

## PENGUNAAN KIT LAMPU ISYARAT QALQALAH (KLIQ) MEMBANTU MURID MEMBEZAKAN QALQALAH *SUGHRĀ* DAN *KUBRĀ*

NOR AZWA ASSHIFA' BINTI ASSERI  
azwaasshifa@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk membantu murid Tahun 5 dalam membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul melalui penggunaan teori warna dan visual yang terkandung di dalam Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ). Instrumen yang digunakan semasa memperoleh dapatan kajian ini ialah pemerhatian dimana saya melihat hasil dapatan kajian sebelum dan selepas daripada nota lapangan serta senarai semak pemerhatian. Dapatan kajian turut dikukuhkan melalui transkrip temu bual dan maklum balas yang dilakukan bersama sampel kajian dan disokong lagi dengan ujian sebelum tindakan dan selepas tindakan yang dijalankan. Kajian ini dijalankan ke atas empat orang murid Tahun 5 yang mempunyai tahap sederhana dan rendah dalam bidang al-Quran. Reka bentuk kajian adalah berbentuk penyelidikan tindakan. Melihat kepada dapatan kajian, berlakunya peningkatan purata peratusan markah murid daripada 65% kepada 90% melalui ujian sebelum tindakan dan selepas tindakan yang dijalankan. Melalui dapatan kajian yang diperolehi, terbukti bahawa Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) ini mampu membantu murid dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan tepat disamping membantu dalam meningkatkan amalan pengajaran guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan lebih baik.

**Kata kunci:** *Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ), teori warna, teori visual, membezakan qalqalah sughrā dan kubrā, meningkatkan amalan guru.*

### PENGENALAN

#### Refleksi Pengalaman Pembelajaran Dan Pengajaran

Semasa menjalani praktikum fasa dua yang lalu, saya telah menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Satria Johan (bukan nama sebenar). Sepanjang sesi praktikum tersebut, saya telah berpeluang untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersama dengan murid Tahun 5M (bukan nama sebenar). Semasa menjalani praktikum, saya berkesempatan untuk mengajar murid Tahun 5 tersebut berkaitan dengan tajuk Qalqalah.

Antara masalah yang berjaya dikenalpasti semasa sesi PdP berlangsung adalah, murid mengalami masalah dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*. Hanya beberapa orang murid sahaja yang mampu menjawab soalan lisan guru dengan betul. Manakala, murid yang lain kelihatan pasif di dalam kelas semasa sesi soal jawab dilakukan. Berdasarkan hasil lembaran kerja pengesanan awal pula, majoriti murid Tahun 5 tersebut tidak mampu membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul. Mereka juga tidak mampu menyatakan kelima-lima huruf qalqalah dengan tepat. Berdasarkan soal jawab yang dilakukan juga, penggunaan akronim قُطْبُ جَدُّ yang sedia ada di dalam buku teks tidak mampu membantu murid saya untuk menyatakan kelima-lima huruf qalqalah dengan tepat. Dengan ini, objektif pembelajaran saya pada hari tersebut tidak mampu untuk dicapai dimana majoriti murid Tahun 5M tersebut tidak berkemampuan membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul. Oleh yang demikian, saya melakukan satu kajian berkaitan

dengan penggunaan Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) dalam membantu murid dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* serta membantu guru untuk menambah baik amalan pengajaran bagi tajuk Qalqalah ini.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian saya adalah untuk membantu murid dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* serta menambah baik amalan guru dalam menjalankan sesi PdP mengenai hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* ini. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan semasa pengumpulan data awal kajian, saya melihat murid tidak aktif di dalam kelas semasa sesi soal jawab berkaitan dengan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dilakukan. Saya turut melakukan ujian sebelum tindakan selepas memberikan lembaran kerja pengesanan awal mengenai qalqalah *sughrā* dan *kubrā*. Hasil ujian sebelum tindakan yang dilakukan, masih terdapat murid yang keliru dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*.

Oleh yang demikian, saya mengambil keputusan untuk membina bahan bantu belajar yang menerapkan teori warna dan visual bagi membantu murid membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*. Perkara ini seiring dengan pendapat Ahmad Munawar dan Zakaria Stapa (2011) dimana, seseorang individu murid itu akan cenderung untuk memperoleh kemahiran berkenaan dengan sesuatu perkara apabila seiring dengan strategi pembelajaran yang berkesan. Menurut Taylor (2007) dan Parette et.al., (2011) pula, penggunaan animasi atau gambar dalam suatu bahan bantu belajar mampu memberi keupayaan untuk menarik minat murid dan memberikan kefahaman kepada mereka mengenai sesuatu topik dan mampu membuatkan murid memberi respon dengan cepat. Hal ini turut dipersetujui oleh Marien (2010) dan Cornell (2010) telah berpendapat bahawa setiap gambar mempunyai seribu rujukannya yang tersendiri dan kombinasi ayat beserta gambar mestilah bersesuaian dan mampu menyampaikan mesej dengan berkesan.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

### **Objektif Kajian**

1. Memastikan murid dapat membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan qalqalah *kubrā* dengan betul menggunakan penggunaan Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ).
2. Menambah baik amalan pengajaran guru dalam membantu murid membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ).

### **Persoalan Kajian**

1. Adakah Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) dapat membantu murid membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul?
2. Bagaimana Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) dapat menambah baik amalan pengajaran guru dalam membantu murid membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*?

## PESERTA KAJIAN

### Jadual 1

#### *Peserta Kajian dan Rasional Pemilihan*

Bil	Nama	Rasional Pemilihan (Ciri-Ciri/Prestasi Akademik)
1.	Ayin	Prestasi Akademik : Sederhana Ciri-ciri : Ayin boleh membaca al-Quran. Seorang yang aktif di dalam kelas. Selalu melakukan kecuaiian semasa sesi latihan dijalankan.
2.	Kri	Prestasi Akademik : Sederhana Ciri-Ciri : Kri mampu membaca ayat al-Quran dengan baik. Seorang yang aktif di dalam kelas. Bersemangat ketika menuntut ilmu.
3.	Haz	Prestasi Akademik: Lemah Ciri-ciri: Haz masih membaca lqra' 6. Seorang murid yang pasif. Rajin bertanya kepada rakan apabila dia kurang faham akan tajuk yang dipelajari.
4.	Mar	Prestasi Akademik: Lemah Ciri-ciri: Mar masih membaca lqra' 3. Seorang murid yang pasif. Sukar bertanya soalan kepada guru dan rakan.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

### Fasa Perancangan

Semasa kajian ini dilaksanakan, saya mengaplikasikan model Kurt Lewin bagi menyempurnakan kitaran kajian saya. Selepas memperoleh dapatan daripada refleksi pengajaran yang lepas, saya mengambil keputusan untuk membina Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) sebagai bahan bantu belajar untuk membantu murid membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul. Bahan bantu belajar yang dibina mempunyai penerapan teori warna dan visual berdasarkan konsep lampu isyarat untuk memudahkan murid mengingat hukum qalqalah. Rajah 1 berikut adalah panduan penggunaan KLIQ yang dihasilkan:



**Rajah 1. Panduan penggunaan Kit Lampu Isyarat Qalqalah.**

Dalam pembinaan KLIQ ini juga saya turut menerapkan kaedah akrostik baharu yang menggantikan akronim lama bagi memudahkan murid mengingat kelima-lima huruf qalqalah. Semasa menggunakan KLIQ ini, murid akan membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* berdasarkan warna. Warna merah akan digunakan bagi qalqalah

*kubrā* dimana jika kita lihat bahawa, konsep lampu merah pada lampu isyarat menandakan kita perlu berhenti. Begitu juga dengan konsep qalqalah *kubrā* dimana hukum ini terjadi ketika berlakunya waqaf. Manakala untuk qalqalah *sughrā* pula kita akan menggunakan warna kuning. Hal ini dilihat pula pada kedudukan lampu kuning yang berada di tengah lampu isyarat. Kedudukannya bersamaan dengan hukum qalqalah *sughrā* yang hanya akan terjadi di pertengahan ayat. Penggunaan warna hijau pula digunapakai bagi ayat yang tidak mengandungi kedua-kedua hukum qalqalah. Warna hijau ini sinonimnya dengan keadaan seseorang pemandu yang bertemu dengan lampu isyarat berwarna hijau dimana dia hanya perlu teruskan pemanduannya selagi mana lampu hijau masih tidak berubah tanpa diganggu dengan lampu kuning dan merah. Rajah 2 berikut merupakan gambaran nota yang disediakan di dalam KLIQ yang dibina:



Rajah 2. Nota Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ)

### Fasa Tindakan

Setelah bahan bantu belajar ini dibina, saya mengaplikasikannya di dalam sesi PdP bersama dengan keempat-empat sampel kajian yang telah dipilih untuk menilai keberkesannya dalam meningkatkan kefahaman murid untuk membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*. Setelah mengaplikasikan KLIQ ini kepada sampel kajian, saya melakukan temu bual kepada murid untuk melihat respon mereka berkaitan dengan keberkesanan KLIQ yang disediakan. Temu bual turut dilaksanakan kepada guru pembimbing untuk memperoleh dapatan daripada beliau berkenaan dengan peningkatan amalan saya setelah KLIQ ini digunapakai semasa sesi PdP. Ujian selepas tindakan juga diberi kepada sampel kajian bagi menilai kefahaman murid setelah penerapan teori warna dan visual digunapakai dalam KLIQ untuk membantu mereka membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*.

### Fasa Pemerhatian

Saya turut mengambil langkah untuk melakukan pemerhatian sepanjang kajian ini dijalankan. saya melakukan pemerhatian kepada sampel-sampel kajian mengenai bagaimana reaksi mereka sepanjang mereka menggunakan KLIQ sebagai bahan bantu belajar. Saya juga ingin melihat bagaimana mereka menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) tersebut dalam membantu mereka memahami isi pembelajaran. Saya turut melihat adakah mereka gemar bermain dengan KLIQ tersebut untuk membuktikan bahawa mereka berminat dengan bahan bantu belajar yang telah disediakan.

## Fasa Refleksi Sebelum Kitaran Kedua

Bagi memenuhi kehendak kitaran model Kurt Lewin, refleksi telah dilakukan bagi melihat keberkesanan kajian yang dilakukan dalam membantu murid membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan menggunakan KLIQ. Hal ini adalah kerana, saya memerlukan pengesahan sama ada pengaplikasian bahan bantu belajar ini berkesan atau tidak dan adakah saya memerlukan untuk melakukan litaran kedua bagi penambahbaikan kepada kajian ini. Setelah melihat kepada keputusan sampel kajian yang memberikan impak yang baik, saya memutuskan untuk kajian ini tamat pada kitaran pertama sahaja.

## DAPATAN KAJIAN

**Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) membantu murid membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul.** Dalam mengumpul hasil dapatan kajian bagi persoalan kajian satu, saya melakukan pemerhatian terhadap minat murid semasa sesi PdP berkaitan dengan tajuk Qalqalah berlangsung. Saya menggunakan borang senarai semak pemerhatian sebagai instrumen saya untuk melihat perubahan tingkah laku murid sebelum dan selepas kajian dijalankan. Berdasarkan hasil daripada senarai semak sebelum dan selepas kajian dilakukan, saya melihat bahawa berlakunya peningkatan kemampuan murid di dalam kelas dimana, mereka sudah mampu untuk menerangkan perbezaan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* apabila disoal dan kurangnya kebergantungan kepada guru semasa PdP berlangsung.

Bukan itu sahaja, saya turut mengukuhkan pemerhatian saya dengan menggunakan instrumen catatan nota lapangan. Melihat kepada hasil catatan nota lapangan sebelum dan selepas kajian dilakukan, terbukti bahawa berlakunya perubahan tingkah laku murid dimana, mereka telah berani untuk membuat penerangan ringkas dan menjawab soalan guru berkaitan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* setelah saya mengaplikasikan teori warna dan visual dalam penggunaan Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ).

Selain daripada pemerhatian, saya juga melihat kepada analisis dokumen yang digunapakai sepanjang kajian ini dilakukan. Saya melihat kepada hasil lembaran kerja murid sebelum dan selepas kajian ini dilaksanakan. Jadual 3 berikut merupakan jadual perbandingan ujian sebelum dan selepas tindakan dilakukan kepada keempat-empat orang sampel kajian.

**Jadual 2**

***Jadual perbandingan markah ujian sebelum dan selepas tindakan.***

Nama	Markah Ujian Sebelum Tindakan (%)	Markah Ujian Selepas Tindakan (%)	Jumlah Peningkatan Murid (%)
Ayin	80	90	10
Kri	40	90	50
Mar	60	90	30
Haz	80	90	10
Jumlah Purata Peratusan	65	90	25

Melihat kepada jadual perbandingan ujian sebelum dan selepas tindakan dilakukan, berlakunya peningkatan terhadap kemampuan murid dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dimana, berlakunya peningkatan purata peratusan markah ujian murid daripada 65% kepada 90%.

Saya turut melakukan sesi temu bual dengan murid dalam mengutip hasil dapatan kajian untuk persoalan pertama kajian ini. Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) ini dilihat telah berjaya membantu murid dalam membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*. Perkara ini dapat dilihat dengan perbandingan temu bual yang dijalankan sebelum penerapan KLIQ dalam sesi PdP dimana, saya melihat murid tidak yakin untuk menjawab soalan berkaitan dengan huruf qalqalah dan penerangan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* semasa temu bual berlangsung. Manakala, selepas penerapan KLIQ pula, apabila sesi temu bual dilaksanakan, murid telah berjaya menyatakan huruf-huruf qalqalah serta mampu membuat penerangan dengan yakin mengenai hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā*.

**Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) menambah baik amalan guru dalam membantu murid membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā*.** Bagi menjawab soalan kedua kajian pula, saya telah melaksanakan analisis pemerhatian dimana, saya melihat kembali catatan nota lapangan yang telah dibuat sebelum dan selepas pengaplikasian KLIQ kepada murid. Sebelum kajian dilaksanakan, murid kelihatan pasif semasa sesi PdP berkaitan dengan tajuk Qalqalah berlangsung. Walaupun sesi kuiz dilaksanakan, mereka tidak bergerak aktif di dalam kelas disebabkan oleh kurangnya tahap penguasaan mengenai tajuk Qalqalah ini. Selepas penggunaan KLIQ ini diterapkan, berlakunya perubahan tingkah laku murid dimana, murid mula bersemangat untuk memperoleh 100% jawapan yang betul berdasarkan soalan yang disediakan oleh guru. Menurut Tejo Nurseto (2011), penggunaan bahan bantu belajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi maklumat yang ringkas dan padat ini mampu membentuk satu situasi kelas yang efektif.

Hasil dapatan kajian ini dikukuhkan lagi dengan melihat kepada hasil temu bual bersama guru pembimbing dimana, guru pembimbing sangat menyokong penerapan teori warna dan visual yang diterapkan dalam KLIQ yang dibina. Beliau menyokong bahawa penggunaan KLIQ yang berwarna warni ini sebagai bahan bantu belajar mampu menarik minat murid untuk mengikuti sesi PdP. Manakala, beliau turut menyatakan bahawa KLIQ ini juga membolehkan murid untuk memahami dengan mudah mengenai tajuk Qalqalah yang dipelajari.

Persoalan kajian kedua ini disokong lagi dengan hasil daripada maklum balas sampel kajian berkaitan dengan penerapan KLIQ semasa sesi PdP dijalankan. Jadual 4 berikut merupakan hasil daripada maklum balas keempat-empat sampel kajian.

**Jadual 3**

***Data borang maklum balas sampel kajian***

Bil	Perkara	Ayin		Kri		Haz		Mar	
		TS	S	TS	S	TS	S	TS	S
1.	Murid meminati subjek Pendidikan Islam selepas menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah.	/		/		/		/	
2.	Kit Lampu Isyarat Qalqalah sangat menarik dan berwarna warni.	/		/		/		/	

3.	Murid mudah memahami apa yang terkandung di dalam Kit Lampu Isyarat Qalqalah.	/	/	/	/
4.	Murid mudah mengenali hukum qalqalah ketika membaca al-Quran setelah menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah.	/	/	/	/
5.	Murid dapat menyatakan huruf qalqalah dengan betul setelah menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah.	/	/	/	/
6.	Kit Lampu Isyarat Qalqalah membantu murid dalam membezakan qalqalah <i>sughrā</i> dan qalqalah <i>kubrā</i> .	/	/	/	/
7.	Murid mampu membezakan qalqalah <i>sughrā</i> dan qalqalah <i>kubrā</i> dengan betul dan tepat.	/	/	/	/
8.	Murid mampu menerangkan secara ringkas sebab-sebab terjadinya hukum qalqalah <i>sughrā</i> dan <i>kubrā</i> setelah menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah.	/	/	/	/
9.	Murid mampu membaca qalqalah <i>sughrā</i> dan <i>kubrā</i> dengan betul dan bertajwid setelah menggunakan Kit Lampu Isyarat Qalqalah.	/	/	/	/
10.	Murid tidak lagi memerlukan bantuan guru sepenuhnya untuk membezakan qalqalah <i>sughrā</i> dan <i>kubrā</i> dengan betul dan tepat.	/	/	/	/

\*TS= Tidak setuju      S= Setuju

Melalui pemerolehan data daripada maklum balas sampel kajian terhadap pengaplikasian KLIQ di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut, kita dapat melihat bahawa keempat-empat orang murid bersetuju bahawa penggunaan KLIQ ini menambahkan lagi minat mereka dalam mempelajari subjek Pendidikan Islam. Selain itu, mereka turut bersetuju bahawa KLIQ yang dibina sangat menarik dan mampu membantu mereka untuk membezakan qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan betul. Mereka juga tidak lagi memerlukan bimbingan sepenuhnya daripada guru untuk memahami tajuk ini. Menurut Ab. Halim Tamuri (2012), kewujudan bahan bantu belajar ini mampu meransangkan komunikasi pelbagai hala di dalam kelas yang mampu menjadikan suatu sesi pengajaran dan pembelajaran itu akan menjadi lebih menarik. Pendapat ini juga dipersetujui oleh Kamarul et.al., (2011), dimana beliau menyatakan bahawa kehadiran bahan bantu belajar atau mengajar ni menjadikan fungsi guru sebagai pemudah cara sahaja tanpa dan turut mewujudkan pembelajaran berpusatkan murid.

## REFLEKSI

**Implikasi terhadap peserta kajian.** Semasa menjalankan penyelidikan ini, saya melihat bahawa kajian ini sangat memberi impak yang positif kepada keempat-empat sampel kajian saya dimana penguasaan hukum tajwid ini dapat mereka aplikasikan dalam bacaan al-Quran seharian mereka. Justeru, tercapailah matlamat Pendidikan Islam di sekolah untuk membolehkan Pendidikan Islam ini menjadi panduan dalam seluruh kehidupan (Al-Kaylani & Mar Majid, 2005).

**Implikasi terhadap amalan sendiri.** Saya juga mampu meningkatkan kualiti strategi perancangan saya dalam mewujudkan satu sesi pembelajaran dan pengajaran yang menarik. Melalui penelitian yang dilakukan sepanjang tempoh kajian, saya juga mampu melihat hasil keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan KLIQ sebagai bahan bantu belajar yang telah saya aplikasikan kepada murid. Bukan itu sahaja, saya juga berkesempatan untuk berkolaborasi

dengan pelbagai pihak semasa kajian ini dilaksanakan bagi mengukuhkan dapatan kajian yang diperolehi.

**Implikasi terhadap kurikulum.** Berdasarkan perincian di dalam Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP) Pendidikan Islam, kandungan sukatan pelajaran menekankan murid untuk menguasai hukum tajwid dan mampu membaca ayat al-Quran mengikut tajwid yang betul dan tepat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Secara tidak langsung, dengan kajian ini telah membantu murid untuk memahami konsep satu daripada hukum tajwid yang terkandung di dalam al-Quran. Dalam meningkatkan kualiti kurikulum juga memerlukan guru mengamalkan amalan inovasi dalam menambah baik kaedah pengajaran di dalam bilik darjah. Perkara ini disokong oleh Ali Muhson (2004), dimana beliau menyatakan bahawa, guru perlu mengaplikasikan inovasi serta meningkatkan kreativiti agar tidak tertinggal dalam kemampuan mengelola sesi pengajaran dan pembelajaran. Amat menjadi satu keutamaan kepada seseorang guru untuk mencari pendekatan yang sesuai bagi memupuk kefahaman dalam diri seseorang murid agar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan itu berkesan kepada semua individu (Sharifah Nooraida, 2015).

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Setelah melihat kepada keberkesanan penggunaan teori warna dan visual yang diterapkan dalam Kit Lampu Isyarat Qalqalah (KLIQ) ini, saya menyimpan hasrat untuk mengaplikasikan juga kedua-dua teori ini di dalam hukum tajwid yang lain. Selain itu, cadangan saya seterusnya adalah untuk mendigitalkan KLIQ ini bersesuaian dengan dunia teknologi masa kini. Bukan itu sahaja, saya juga akan cuba untuk mempelbagaikan lagi kaedah dalam pengajaran bidang tajwid ini seperti penerapan kaedah nyanyian dan permainan yang mampu menarik minat murid dalam mempelajari bidang tajwid dan memberi impak yang positif terhadap penguasaan mereka dalam bidang tajwid. Perkara ini turut dipersetujui oleh Sharifah Nooraida (2015) dimana, beliau menyatakan bahawa guru berperanan sebagai penyampai kurikulum dan merupakan agen yang penting bagi menyalurkan maklumat yang lebih jelas kepada murid. Bagi meningkatkan kefahaman murid di dalam penguasaan hukum tajwid ini juga, saya akan cuba memperbanyakkan sesi latihan saya bersama murid melalui pelbagai kaedah. Semasa melaksanakan kajian, saya hanya menggunakan lembaran kerja sebagai latihan. Insha-Allah, pada masa yang akan datang, saya akan melakukan pengulangan latihan dengan pelbagai cara seperti ujian lisan, kuiz, permainan dan sebagainya yang mampu memberikan kefahaman kepada murid dengan lebih baik.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. Basic Components for Islamic Education Teacher Training*, 2(2), 53.
- Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa. (2011). Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 21-30.
- Al-Kaylani & Mar Majid Arsan. (2005). *Ahdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam, Emiriah Arab Bersatu.



- Ali Muhson. (2004). Meningkatkan Profesionalisme Guru: Sebuah Harapan. *Jurnal Ekonomi & Pendidikan*, 2(1), 90-97.
- Cornell,W.B. (2010). History Is Relatives: Educational Affordances of the Graphic Novel in The Magical Life of Long Tack Sam. *International Journal of Comic Art*, 12(1),147-156.
- Kamarul Azmi Jasmi, et al. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Belajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran Pendidikan Islam*.
- Marien,M.W. (2010). *Photography: A Cultural History 3<sup>rd</sup> Edition*. City Road London: Laurence King.
- Parette,H.et.al. (2011). Using Animation in Microsoft Powerpoint to Enhance Engagement and Learning in Young Learners With Development Delay. *Teaching Exceptional Children*, 43(4),58-67.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan. (2015). *Pengajaran Pendidikan Hak Wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Tesis Ijazah Kedoktoran yang belum diterbitkan. Akademik Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Taylor,M.et.al. (2007). The Use Of Animation In Higher Education Teaching To Support Students With Dyslexia. *Education dan Training*, 49(1), 25-35.
- Tejo Nurseto. (2011). Membuat Media Pembelajaran Yang Menarik. *Jurnal Ekonomi & Pendidikan*, 8(1), 19-34.